**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM**
**NEGERI PERLIS**

**ANJURAN BERSAMA**
**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**NEGERI PERLIS**

**GEMPUR KECEMERLANGAN SPM 2024**
**BAHASA MELAYU**
**Peraturan Pemarkahan**
**Kertas 2**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Persidangan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Negeri Perlis. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

**MARKAH PENUH : 100 MARKAH**

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada
Soalan 1: **8** markah
Soalan 2: **6** markah
Soalan 3: **9** markah
Soalan 4: **6** markah
Soalan 5: **6** markah

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi kata sendi nama yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata sendi nama tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kata sendi nama telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata sendi nama salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
11. Calon yang menukarkan imbuhan atau menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
12. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**Soalan 1 – Morfologi**

**Kata sendi nama**

(i) kepada
(ii) dengan
(iii) ke
(iv) untuk
(v) oleh
(iv) di

[**Maksimum: 8 markah**]

*[Lihat halaman sebelah*

**Soalan 2 - Sintaksis**

**Ayat Songsang kepada Ayat Biasa**

1. Menjadi tonggak kemakmuran negara keutuhan jati diri pada masa hadapan.

- Keutuhan jati diri menjadi tonggak kemakmuran negara pada masa hadapan.
- Pada masa hadapan, keutuhan jati diri menjadi tonggak kemakmuran negara.
- Keutuhan jati diri pada masa hadapan menjadi tonggak kemakmuran negara.

2. Sangat penting semangat cinta akan negara bagi memastikan rakyat sentiasa berganding bahu dalam menjaga kedaulatan negara.

- Semangat cinta akan negara sangat penting bagi memastikan rakyat sentiasa berganding bahu dalam menjaga kedaulatan negara.
- Bagi memastikan rakyat sentiasa berganding bahu dalam menjaga kedaulatan negara semangat cinta akan negara sangat penting.

3. Diamalkan secara jelas, berterusan dan menyeluruh pengamalan nilai murni dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

- Pengamalan nilai murni dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum diamalkan secara jelas, berterusan dan menyeluruh.

[**Maksimum: 6 markah**]

**Soalan 3 – Penyuntingan**

| | | | |
|---|---|---|---|
| (i) | kronoloji | – | kronologi |
| (ii) | menghidapi | – | menghadapi |
| (iii) | dua wakil | - | dua orang wakil |
| (iv) | merundingkan | – | perundingan |
| (v) | memeterai | - | dimeterai |
| (vi) | Suruhan jaya | – | Suruhanjaya |
| (vii) | pemberontakkan | – | pemberontakan |
| (viii) | bersama | – | bersama-sama |
| (ix) | Agong | – | Agung |
| (x) | dihadapan | – | di hadapan |

[**Maksimum: 9 markah**]

**Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan**

*[Lihat halaman sebelah*

**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4.**

| **Deskripsi** | **Markah** |
|---|---|
| | **6** |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis | 5-6 |
| - Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat *masih* gramatis | 4 |
| - Isi cukup dan lengkap mengikut urutan, dan ayat *kurang* gramatis | 3 |
| - Isi **tidak** cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis | |
| - Isi **tidak** cukup, mengikut urutan dan ayat *kurang* gramatis | 2 |
| - Isi **tidak** cukup, mengikut urutan dan ayat *tidak* gramatis | 1 |
| - Ayat disalin bulat-bulat | 0 |
| - Isi **tidak** mengikut urutan | 0 |

**Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard**

Setelah / Selepas / Sesudah idah, Seri Nara Diraja bernikah dengan Tun Kudu. Seri Nara Diraja bersepakat dengan Paduka Raja, saling menyayangi seperti saudara seibu. Seri Nara Diraja menyembah kepada Sultan Muzaffar Syah. “Tuanku, eloklah Paduka Raja dijadikan bendahara kerana dia memang anak bendahara.”

Baginda bertitah, “Baiklah.”
Lalu Paduka Raja dijadikan bendahara.

[**Maksimum: 6 markah**]

**Soalan 5 – Peribahasa**

| | | |
|---|---|---|
| (i) | sediakan payung sebelum hujan | 2 |
| (ii) | seperti bergantung di hujung kuku / seperti telur di hujung tanduk | 2 |
| (iii) | ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni / bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat / bagai aur dengan tebing | 2 |

[**Maksimum: 6 markah**]

*[Lihat halaman sebelah*

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:
Soalan 6 : 12 markah
Soalan 7 : 13 markah
Soalan 8 : 10 markah

**Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

1. **Soalan 2 markah: Pemahaman teks dan novel**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis | 1 |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup | |
| - Jawapan salah | 0 |

**2. Soalan 3 markah: Pemahaman unsur KBAT**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugasan / ayat kurang gramatis<br>- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup (1 isi) / ayat tidak gramatis | 1 |
| - Jawapan salah | 0 |

**3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan / ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugasan / ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis | |
| - Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis | |
| - Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis | 1 |
| - Jawapan salah | 0 |

*[Lihat halaman sebelah*

**4. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel**

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|---|
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugasan dan ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugasan / ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis | |
| - Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis | |
| - Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis | 1 |
| - Jawapan salah | 0 |

*[Lihat halaman sebelah*

**Soalan 6**

(i) **Maksud pelbagai pendekatan**

| | | |
|---|---|---|
| - | banyak / kaedah / teknik / cara | 2 |
| - | *pelbagai* / teknik / cara | 1 |
| - | banyak */ pendekatan* | 1 |

(ii) **Usaha-usaha menangani masalah buli siber dalam kalangan masyarakat**

**Bahan 1**

P1- kerajaan mewujudkan perundangan khusus

P2- ibu bapa perlu memantau anak-anak yang terlalu leka dengan media sosial

P3- institusi pendidikan juga perlu mengambil pelbagai pendekatan dengan memberi kesedaran antibuli secara berterusan kepada murid

**Bahan 2**

P1- kita janganlah melawan atau mengabaikan pembuli

P2- menyimpan bukti yang dipaparkan di dalam media sosial

P3- perlulah diberitahu kepada ibu bapa untuk mengelakkan diri daripada tertekan

**Bahan 3**

**P1-** kurangkanlah guna media sosial

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 4 markah]**
**[isi cukup : 3 isi]**

(iii) **Faktor yang telah mendorong seseorang melakukan perbuatan buli siber**

P1- tidak puas hati kepada seseorang / dendam

P2- kurang perhatian keluarga

P3- kurang didikan agama

P4- berseronok / untuk kepuasan hati

P5- pengaruh rakan

**[Maksimum : 3 markah]**
**[isi cukup : 2 isi]**

*[Lihat halaman sebelah*

(iv) **Perkara yang perlu dilakukan**

P1- menasihatinya / membantu rakan membuang tabiat buruk
P2- memaklumkan ibu bapanya / ahli keluarga
P3- meminta orang yang disegani / guru untuk menasihatinya
P4- memaklumkan kaunselor

**[Maksimum : 4 markah]**
**[isi cukup : 3 isi]**

*[Lihat halaman sebelah*

**Soalan 7**

**(i) Peranan**

P1- membentuk diri cinta akan alam 1
P2- mempunyai kesedaran diri di dada 1

**[Maksimum : 2 markah]**

**(ii) Kesan kemusnahan alam sekitar**

**Bahan 1**

P1- gunung / bukit telah digondol
P2- pokok ditebang
P3- tanah kontang / kering
P4- pencemaran udara
P5- banjir
P5- tanah runtuh

**Bahan 2**

P1- kejadian cuaca yang luar biasa
P2- perubahan iklim yang mendadak menyukarkan kehidupan manusia di sini
P3- setiap udara yang tidak berkualiti yang disedut akan mendatangkan penyakit kepada penduduk bumi ini

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan bahan 1 dan bahan 2**
**: Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi**

**[Maksimum : 4 markah]**
**[isi cukup : 3 isi]**

**(iii) Punca-punca pencemaran alam sekitar**

P1- sikap manusia yang mementingkan diri sendiri
P2- kurang kesedaran
P3- pelepasan asap kilang / kenderaan
P4- pembuangan sisa industri / pertanian yang tidak dikawal
P5- pembakaran terbuka
P6- penguatkuasaan undang-undang yang lemah

**[Maksimum : 3 markah]**
**[isi cukup : 2 isi**

*[Lihat halaman sebelah*

**(iv) Usaha-usaha**

P1- menasihatinya / menegur dengan baik
P2- mengajaknya membersihkan kawasan sekolah
P3- memberitahu / melaporkan / sikapnya kepada guru
P4- mengajaknya untuk menyertai Kelab Alam Sekitar
P5- menunjukkan teladan yang baik

**[Maksimum : 3 markah]**
**[isi cukup : 2 isi]**

**Soalan 8**

**(i) Harapan emak**

P1- emak tak sakit
P2 - emak mahu balik
P3 - mak balik ikut Lia
P4 - kita keluar cepat
P5 - emak nak jumpa abah
P6- nak jumpa anak-anak emak yang lain

**[Maksimum : 4 markah]**
**[isi cukup : 3 isi]**

**Nota: perlu disalin bulat-bulat daripada petikan**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)**

**(ii) Soalan Novel: 6 markah**

(a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
(b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
(d) Beri 1 markah bagi peristiwa / huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
(e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh.
(f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh:
    Baik : 2 markah
    Lemah : 1 markah.
(g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa
(h) Calon tidak menjawab, 0 markah.

**[Maksimum : 6 markah]**

*[Lihat halaman sebelah*

**Satu** peristiwa yang memberikan kesedaran kepada pembaca

| Novel Jendela Menghadap Jalan | Novel Songket Berbenang Emas |
|---|---|
| **Peristiwa Lili taat kepada suruhan ibunya.**<br>Lili tidak tergamak untuk menolak permintaan ibunya supaya menghabiskan cuti persekolahannya di kampung datuk dan nenek.<br>Peristiwa ini memberi kesedaran kepada pembaca kerana sebagai seorang anak, perlulah taat kepada ibu bapa yang boleh membawa kepada pelbagai manfaat. | **Peristiwa Dahlia menyelamatkan Said yang lemas di dalam sungai.**<br>Dahlia terjun ke dalam sungai yang berarus deras untuk menyelamatkan Said yang lemas.<br>Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana hidup bermasyarakat perlulah saling membantu orang yang berada dalam kesusahan. |
| **Peristiwa Puan Hamimah bertanggungjawab dalam membantu menyelesaikan masalah rumah tangga Che Jah.**<br>Sebagai seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, Puan Hamimah menasihati Che Jah supaya melaporkan kes penderaan yang telah dilakukan oleh suaminya. Che Jah dan anak-anaknya sering dipukul oleh Seman yang bersikap panas baran.<br>Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana sebagai pegawai perlu melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah. | **Peristiwa Dahlia bertanggungjawab menjaga adik-adiknya sepanjang ketiadaan ibu bapa.**<br>Dahlia sanggup keluar dari asrama demi menjaga adik-adiknya semasa ibunya, Saleha dan ayahnya Embong sedang dirawat di hospital.<br>Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana sebagai anak kita perlulah bertanggungjawab membantu keluarga yang dalam kesusahan. |
| **Peristiwa Danel menyelamatkan Lili yang telah diculik.**<br>Danel telah bertindak menyelamatkan Lili yang diculik oleh Haziq dan Rafik. Lili telah disembunyikan di sebuah pondok usang di dalam hutan.<br>Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana sebagai rakan mestilah bersedia membantu rakan kita yang berada dalam kesusahan. | **Peristiwa Haji Sulaiman membantu mendapatkan rawatan ibu Dahlia.**<br>Haji Sulaiman datang ke rumah Embong bersama-sama petugas Hospital Batu Pahat untuk memujuk Embong supaya membenarkan Saleha dibawa ke hospital untuk dirawat.<br>Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana sebagai pemimpin perlulah bersedia untuk membantu anggota masyarakat yang menghadapi masalah / musibah. |

*[Lihat halaman sebelah*

## BAHAGIAN C : RUMUSAN

**[30 *markah*]**

**Soalan 9**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada
(a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**

**Nota :**

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
- gelaran
- penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

*[Lihat halaman sebelah*

| Bahagian | Bilangan Isi | Bilangan Isi Diterima | | | | | | Markah Maksimum |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **(i) Pendahuluan** | | | | | | | | **2** |
| **(ii) Isi Bahan 1** | | | | | | | | **16** |
| Fokus1(kebaikan/feadah/kelebihan/manfaat) | 3 | 3 | 2 | 2 | 2 | 1 | | |
| Fokus 2 (persediaan/persiapan) | 4 | 2 | 3 | 2 | 3 | 3 | | |
| **(iii) Isi Bahan 2** | | | | | | | | |
| Fokus 2 (persediaan/persiapan) | 4 | 1 | 1 | 2 | 1 | 2 | | |
| **(iv) Isi Bahan 3** | | | | | | | | |
| Fokus 1(kebaikan/feadah/kelebihan/manfaat) | 2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | |
| Fokus 2 (persediaan/persiapan) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | | |
| **Jumlah Isi** | **14** | **8** | | | | | | |
| **(v) Penutup / Kesimpulan** | | | | | | | | **2** |
| | | **Jumlah Markah** | | | | | | **20** |

*[Lihat halaman sebelah*

(*b*) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah Bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

| PERINGKAT | MARKAH BAHASA | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Cemerlang** | **8 – 10 markah** | • Kesinambungan ayat *sangat* baik<br>• Bahasa *sangat* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu<br>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat<br>• Pengolahan *sangat* menarik dan berkesan |
| **Baik** | **5 – 7 markah** | • Kesinambungan ayat baik<br>• Bahasa *masih* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu<br>• Penggunaan kosa kata *masih* luas dan tepat<br>• Pengolahan *masih* menarik dan berkesan |
| **Sederhana** | **3 – 4 markah** | • Kesinambungan ayat *kurang* baik<br>• Bahasa *kurang* gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu<br>• Penggunaan kosa kata *kurang* luas dan tepat<br>• Pengolahan *kurang* menarik dan berkesan |
| **Lemah** | **1 – 2 markah** | • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami. |

*[Lihat halaman sebelah*

**Nota :**

(i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
(ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
(iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat *baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
(iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
(v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum : 10 markah]**

**Pendahuluan [2 markah]**

P1 Rumusan membincangkan kebaikan / manfaat / kepentingan / faedah / kelebihan pelancongan domestik dan persediaan / persiapan sebelum melancong. 2
P2 Rumusan membincangkan kebaikan /manfaat / kepentingan / faedah / kelebihan pelancongan domestik. 1
P3 Rumusan membincangkan persediaan / persiapan sebelum melancong. 1

**FOKUS 1 : kebaikan/manfaat/kepentingan/faedah**

**Bahan 1**

A1 dapat menjimatkan perbelanjaan 2
A2 mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi tempatan 2
A3 memudahkan kita berkomunikasi dengan orang sekeliling apabila melawati pusat-pusat peranginan 2

**Bahan 3**

B1 memberi peluang kepada kita untuk mengenali budaya dan warisan negara 2

**FOKUS 2 : Persediaan/persiapan sebelum melancong**

**Bahan 1**

C1 kita perlu menyenaraikan lokasi percutian yang ingin dituju 2
C2 membuat sedikit kajian tentang lokasi pelancongan 2
C3 merancang perjalanan untuk sampai ke destinasi dengan selamat 2
C4 memastikan kenderaan diselenggara dengan baik 2

*[Lihat halaman sebelah*

**Bahan 2**

D1 memilih penginapan yang sesuai 2
D2 membawa ubat-ubatan 2
D3 menyediakan wang mengikut keperluan 2

**Bahan 3**

E1 menyediakan alat rakaman yang sesuai 2

**Kesimpulan [2 markah]**

K1 Kesimpulannya, industri pelancongan domestik perlulah dipopularkan / dimajukan supaya meningkatkan sektor ekonomi. 2

K2 Kesimpulannya, industri pelancongan domestik perlulah dipopularkan / dimajukan. 1

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**